

Alus
25/3

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Pemeriksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1999/2000

September 1999

AMP 346 - PEMASARAN ANTARABANGSA

Masa: [3 jam]

ARAHAN:

Sila pastikan bahawa kertas soalan mengandungi **DUA (2)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja, **Soalan 1** adalah **Wajib**.

1. (a) “Memasuki pasaran antarabangsa bukan lagi satu pilihan tetapi satu kemestian”. Bincangkan.

(b) Bandingkan ciri-ciri organisasi dan strategi promosi yang digunakan oleh organisasi yang mengamalkan strategi pemasaran multi-domestik dengan pemasaran global.

[25 markah]

2. Mengapakah tahap pembangunan ekonomi disenaraikan sebagai salah satu faktor persekitaran yang perlu diamati oleh pengurus pemasaran antarabangsa?

[25 markah]

3. Produk perlu dipadankan dengan budaya dan persekitaran fizikal sesuatu pasaran. Bincangkan.

[25 markah]

...2/-

4. Senaraikan jenis kemudahan yang ditawarkan oleh kerajaan Malaysia kepada organisasi yang ingin meneroka pasaran antarabangsa.

[25 markah]

5. (a) Mengapa skop penyelidikan pemasaran antarabangsa lebih luas daripada penyelidikan pemasaran tempatan.

[10 markah]

- (b) Anda ditugaskan untuk menjalankan penyelidikan pemasaran di negara Kesatuan Eropah. Senaraikan faktor-faktor yang perlu diberi perhatian dalam menetapkan kaedah penyelidikan.

[15 markah]

---ooo000ooo---

/